



## PANDUAN PERKHIDMATAN

Syarikat kami menawarkan produk Takaful melalui tenaga agensi, rakan kongsi bank dan lain-lain. Jika anda berminat untuk menyertai produk Takaful yang dipasarkan oleh Wakil / Eksekutif Kewangan Bank, anda boleh menikmati perkhidmatan seperti yang dinyatakan.

### Apakah Perkhidmatan yang anda harapkan dari Wakil / Eksekutif Kewangan Bank kami?

#### SEBELUM ANDA MENYERTAI PELAN TAKAFUL

##### Membantu anda dalam Memilih Pelan Takaful yang sesuai

- Meneliti kandungan Borang Maklumat Bakal Pemilik Sijil untuk memahami keperluan kewangan dan keperluan risiko anda.
- Mencadangkan pelan Takaful yang sesuai selepas menilai keperluan anda.

##### Menerangkan Ciri-Ciri Produk

- Menerangkan ciri-ciri produk, manfaat yang dibayar, pengecualian, sumbangan dan caj-caj.
- Menyediakan Risalah Pemberitahuan Produk, untuk membantu anda dalam membuat keputusan yang tepat dan untuk memudahkan perbandingan produk.

#### APABILA ANDA MEMBUAT KEPUTUSAN UNTUK MENYERTAI PELAN TAKAFUL

##### Membantu anda dalam melengkapkan Permohonan Takaful

- Menerangkan kepentingan menjawab soalan-soalan di dalam borang cadangan dengan lengkap dan tepat.
- Menerangkan kepentingan membuat penamaan dan/atau hibah untuk memastikan manfaat yang perlu dibayar diterima oleh penama atau benefisiari anda sekiranya berlaku kematian.
- Mengemukakan permohonan Takaful anda untuk pengunderitan selepas anda menandatangi borang cadangan.

##### Menerangkan Terma-terma dan Syarat-syarat Sijil

- Sijil Takaful akan dihantar kepada anda dalam masa 28 hari tertakluk kepada kelulusan.
- Menerangkan syarat-syarat dan terma-terma sijil untuk memastikan bahawa ini adalah pelan Takaful yang sesuai yang telah disertai oleh anda.



## PANDUAN PERKHIDMATAN

### SEMASA TEMPOH PELAN TAKAFUL

#### Perkhidmatan Sijil Berterusan

- Membantu dalam mengemukakan permintaan perkhidmatan kepada Great Eastern Takaful Berhad seperti pengubahsuaian sijil, pertukaran alamat dan kekerapan pembayaran sumbangan.

#### Membantu anda dalam membuat Tuntutan Takaful

- Membimbing anda melalui prosedur standard mengenai tatacara untuk membuat tuntutan Takaful.

#### Portal Pelanggan

- Sila layari Portal Pelanggan kami di <https://igetintouch.greateasterntakaful.com/> untuk mengakses maklumat sijil Takaful anda secara dalam talian.

#### *Nota Penting:*

- 1. Jika anda tidak berpuas hati dengan perkhidmatan Wakil/ Eksekutif Kewangan Bank kami, atau memerlukan sokongan tambahan daripada kami, anda boleh menghubungi kami di 03 4259 8338.**
  
- 2. Great Eastern Takaful Berhad akan membuat pengubahsuaian yang diperlukan berdasarkan perjanjian perkhidmatan yang dibuat oleh rakan kongsi bank masing-masing.**